

Kenaikan KDNK petanda pemulihan ekonomi berterusan

BH 14 JUL 2000

KEMAMPUAN Malaysia mencatat pertumbuhan 11.7 peratus pada tiga bulan pertama dan unjuran sembilan hingga 10 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tempoh suku kedua tahun ini (April-Jun) adalah jauh lebih baik berbanding negara lain yang sedang berusaha memulihkan ekonominya.

Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di Bangunan Umno, Kota Bharu, petang semalam, berkata proses pemulihan ekonomi negara berterusan pada kadar memberangsangkan walaupun KDNK bagi suku kedua dijangka lebih rendah berbanding tiga bulan pertama tahun ini.

Katanya, KDNK negara disifatkan amat tinggi memandangkan kerajaan masih berpegang kepada unjuran 5.8 peratus bagi tahun ini.

“Dalam konteks kita belum keluar daripada kemelesetan ekonomi, kadar dicapai pada tiga bulan pertama dan anggaran bagi suku kedua sejueri diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah lebih baik daripada kebanyakan negara lain.

“Perangkaan anggaran pertumbuhan suku kedua lebih rendah berbanding suku pertama adalah aspek teknikal kerana kadar pertumbuhan ekonomi bergantung kepada asas perbandingan dengan suku pertama 1999.

“Apa yang berlaku ialah KDNK suku pertama tahun lalu agak teruk kerana kita masih pada peringkat awal pemulihan tapi bertambah baik pada tiga bulan berikutnya, jadi asasnya lebih tinggi.

“Itulah sebabnya kita dapati unjuran KDNK bagi suku kedua tahun ini rendah sedikit berbanding pencapaian Januari hingga Mac lalu, tapi perangkaan Jun belum diperolehi... jadi mungkin ia lebih baik,” katanya.